



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

GE-MOCK: IMEJ TUBUH PENARI DI KUALA LUMPUR

MOHD FAIRUZ BIN MOHD TAUHID



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

i

GE-MOCK: IMEJ TUBUH PENARI DI KUALA LUMPUR

MOHD FAIRUZ BIN MOHD TAUHID



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENGAJIAN PERSEMBAHAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PERAKUAN

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s. 1/1



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

	✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12 (hari bulan) JANUARI (bulan) 2021.

i. Perakuan pelajar :

Saya, MOHD FAIRUZ BIN MOHD TAUHID M20181001524 (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk GE-Mock: Imej tubuh penari di Kuala Lumpur

_____ adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr Kamarulzaman Bin Mohamed Karim (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk GE-Mock: Imej tubuh penari di Kuala Lumpur

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH. (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

15 Jan 21

Tarikh

Tandatangan Penyelia





PENGESAHAN SERAHAN DISSERTASI/TESIS

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s. 1/1



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: GE-Mock: Imej tubuh penari di Kuala Lumpur

No. Matrik / Matric's No.: M20181001524

Saya / I : MOHD FAIRUZ BIN MOHD TAUHID

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajaran Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972




TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Copi Rasmi) / Name & Official Stamp
Penyayang DSS1
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris)

Tarikh: 15 JANUARI 2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Atas izinNya saya berjaya menyiapkan disertasi seiring dengan penciptaan karya kreatif yang bertajuk *GE-Mock: Imej Tubuh Penari di Kuala Lumpur*. Dalam usaha menyiapkan disertasi ini, saya telah menerima bantuan dan panduan secara langsung dari Dr. Kamarulzaman bin Mohd Karim yang banyak memberi pencerahan dalam melihat kepada kemungkinan melalui proses penciptaan dan penulisan. Pensyarah-pensyarah di Pengajian Persembahan yang sering memberi inspirasi dari buah fikiran, perkongsian dan saranan. Penari-penari yang menjayakan persembahan ini yang tanpa keluh kesah mengharungi perjalanan ini bersama-sama saya. Rakan-rakan di program GENIUS Seni Tari, rakan-rakan dari industri hiburan dan seni persembahan yang sering menyokong usaha saya dalam memajukan diri. Akhir sekali, doa tanpa henti dan penguat rohani, Mak dan Abah serta adik-adik. Terima kasih atas sokongan dan kasih sayang yang abadi.





ABSTRAK

Imej tubuh dan tari ialah dua perkara yang sering berkait rapat dalam lapangan seni persesembahan. Sehingga ke saat ini, imej tubuh masih menjadi salah satu fenomena yang sering dibincangkan oleh penggiat tari khususnya di Kuala Lumpur. Kini masyarakat mula melihat seakan wujud imej tubuh tertentu yang perlu dipersembahkan oleh seseorang individu yang bergiat dalam bidang tari. Persembahan teks seperti poster uji bakat jawatan awam Artis Budaya B 19 pula dilihat memberi cadangan kepada masyarakat umum gambaran ketinggian dan berat badan seorang penari yang ideal. Kesan dari hegemoni kebudayaan ini, mula wujud keresahan di kalangan penari dan penggiat tari terhadap imej tubuh mereka. Karya ini bakal menerbitkan kemungkinan kepada bagaimana konstruksi imej tubuh penari khususnya di Kuala Lumpur terbentuk dari hegemoni kebudayaan ini, sekali gus membuka lembaran bagi perbincangan tentang bagaimana perkara ini dapat diimbangi dengan idea baru iaitu tari sebagai kebolehan, skil dan bakat dan bukan sesuatu yang diukur daripada persembahan imej tubuh seseorang semata.





GE-MOCK: BODY IMAGE OF DANCERS IN KUALA LUMPUR.

ABSTRACT

In the field of performing arts, body image is always associating with dance. Till this day, discourse on this matter is still ongoing by dance practitioners, especially in Kuala Lumpur. Today, there is an idea of what dancers should look in the community and as dance practitioners, they oblige to perform these ideas or values constructed. This issue further magnified by the government body through their poster; open-call audition for Artis Budaya post in their organization. By stating height and weight requirement, these informations suggesting to the mass that these is the body image that a dancer need to be in. This scenario contribute to the anxiety among dancers and dance practitioners. Therefore, this piece presented to oversees or to identify how these body image constructed focusing in Kuala Lumpur. Besides that, from the performance of this people, we can engage more discussion in finding the balance and introducing alternatives so that dancer will be appreciated because of her ability, skill, and talent, not basing on her body image.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
-----------------	----

PENGESAHAN SERAHAN DISSERTASI/TESIS	iii
--	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	x
-----------------------	---

SENARAI GAMBAR	xi
-----------------------	----

SENARAI SINGKATAN	xii
--------------------------	-----

SENARAI LAMPIRAN	xiii
-------------------------	------

BAB 1

1.1 Inspirasi dan Motivasi	1
1.2 Objektif Penciptaan	4
1.3 Matlamat Penciptaan	5
1.4 Kontekstualisasi Topik	6
1.4.1 <i>GE-Mock.</i>	6
1.4.2 Imej Tubuh.	6
1.4.3 Penggiat Tari.	7
1.4.4 Hegemoni Kebudayaan.	7
1.5 Imaginasi Idea Penciptaan.	8
1.5.1 Frasa Gerak.	8





1.5.2 Struktur Persembahan.	8
-----------------------------	---

1.5.3 Konvensyen Persembahan	9
------------------------------	---

BAB 2

2.1 Kajian Literatur	11
----------------------	----

2.1.1 Konstruksi Imej Tubuh.	11
------------------------------	----

2.1.2 Gender dan Imej tubuh.	14
------------------------------	----

2.1.3 Pemakanan dan hubung kaitnya dengan imej tubuh.	15
---	----

2.1.4 Istana Budaya dan JKKN sebagai tapakan ideologi imej tubuh.	16
---	----

2.2 Kajian Persembahan	18
------------------------	----

2.2.1 <i>Lemak Berjangkit</i> (2005)	19
--------------------------------------	----

2.2.2 <i>Inspitari</i> dan <i>JAMU</i> .	21
--	----

2.2.3 ‘Gemuk’ di Arus Perdana.	23
--------------------------------	----



BAB 3

3.1 Konseptualisasi Idea Penciptaan.	27
--------------------------------------	----

3.1.1 <i>GE-Mock</i> sebagai sebuah konsep.	28
---	----

3.1.2 <i>GE-Mock</i> dan hubungkaitnya dengan fenomena semasa,	29
--	----

3.2 Landasan Teori Penciptaan.	29
--------------------------------	----

3.2.1 Imej tubuh.	30
-------------------	----

3.2.2 Hegemoni Kebudayaan dan Populariti Kebangsaan.	32
--	----

BAB 4

4.1 Kaedah Pengumpulan Maklumat Penciptaan.	36
---	----

4.1.1 Struktur <i>GE-Mock</i> : Koreografi.	37
---	----

4.1.2 Struktur <i>GE-Mock</i> : Konvensyen Persembahan.	39
---	----

4.2 Pendekatan Penciptaan.	41
----------------------------	----





4.2.1 Pembentukan Frasa	42
4.2.2 Komposisi dan Koreografi	44
4.2.2.1 <i>Apa yang mereka lihat!</i>	44
4.2.2.2 <i>Apa yang kami lihat!</i>	46
4.2.2.3 <i>Apa yang aku lihat!</i>	48

BAB 5

5.1 Pembentukan Karya	49
5.1.1 Proto-persembahan <i>GE-Mock.</i>	49
5.2 Penstruktur Karya.	52
5.2.1 ‘Dunia <i>GE-Mock</i> ’	52
5.2.2 <i>KOREOGRAFee.</i>	54
5.3 Program Persembahan.	61
5.3.1 Pra-persembahan	61
5.3.2 Menghuni ‘Dunia <i>GE-Mock</i> ’	63
5.3.3 <i>KOREOGRAFee GE-Mock.</i>	63
5.3.4 Pasca <i>KOREOGRAFee GE-Mock.</i>	64
5.4 Muzik <i>GE-Mock.</i>	65



BAB 6

6.1 Refleksi	66
6.2 Rumusan	69

RUJUKAN

LAMPIRAN	75
----------	----





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Kerangka Konseptualisasi Idea	30
3.2 Kerangka Segmen berdasar Teori Hegemoni	33
4.1 Pembentukan motif (gesture)	38
4.2 Segmen berdasarkan hebahan (hegemoni kebudayaan)	40
4.3 Frasa 1 (ketinggian penari)	43
4.4 Frasa dari G1 dan Ketinggian penari.	44
5.1 Arahan kepada penari bagi Segmen <i>Apa Yang Mereka Lihat!</i>	55
5.2 Giliran penari berkongsi informasi dalam Segmen <i>Apa Yang Kami Lihat!</i>	57





SENARAI GAMBAR

No. Gambar	Muka Surat
1.1 Poster Uji bakat Artis Budaya, Istana Budaya	3
1.2 Poster Uji bakat Artis Budaya, JKKN Ibu Pejabat	3
1.3 Ilustrasi gambaran kepada konsep konvensi persembahan Ge-Mock	10
2.1 Contoh poster hebahan yang dikeluarkan oleh Istana Budaya dan JKKN.	17
2.2 Aliran pengaruh hegemoni kebudayaan daripada persembahan teks oleh JKKN dan Istana Budaya	18
2.3 Nabil Norsaiful juga dikenali sebagai BaelOn ditemu bual oleh pengacara <i>Dansa dan Sing</i> selepas persembahan.	23
2.4 dan 2.5 Penari yang mengiringi Lady Gaga dalam muzik video <i>Stupid Love</i> .	24
3.1 Konsep Baru Penciptaan.	27
3.2 Proses Interpretasi dan Penilaian antara Penari dalam ruang persembahan berdasarkan mekanisme pembentukan imej tubuh Schilder (1950).	31
4.1 Peta Minda Konsep Penciptaan Karya Kreatif <i>GE-Mock</i> .	36
5.1 Ilustrasi Lapangan Persembahan <i>GE-Mock</i> .	52





SENARAI SINGKATAN

ASWARA	Akademi Seni, Budaya dan Warisan Kebangsaan.
DNA	Asid deoxyribonucleic.
JKKN	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
KLPAC	Kuala Lumpur Performing Arts Center.
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan.
PKPB	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.
PKPP	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan.
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

SENARAI LAMPIRAN

- A. Surat Permohonan Ruang Latihan dan Persembahan 1
- B. Surat Permohonan Ruang Latihan dan Persembahan 2
- C. Senarai Jemputan Persembahan *GE-Mock*.
- D. Poster Digital Persembahan *GE-Mock*.
- E. Gambar semasa persembahan *GE-Mock*.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Inspirasi dan Motivasi

Inspirasi merupakan sesuatu yang menjadi rangsangan utama dalam sesebuah penciptaan¹. Ia hadir dalam pelbagai aspek yang merangkumi ruang lingkup pengarya dalam kehidupan, samada dalam ruang lingkup peribadi ataupun keadaan persekitaran atau kedua-duanya. Menurut Joseph Gonzales, keberanian atau motivasi mengekspresikan apa yang menjadi inspirasi kepada sesebuah karya kreatif perlu hadir dengan pemikiran yang terbuka dan melihat proses ini sebagai sebuah perjalanan yang terus mengupas persoalan demi persoalan dan bukan sebuah destinasi (Gonzales, 2019, p. 84).

Memori dan pengalaman peribadi sering menjadi rujukan pertama seorang koreografer (Gonzales, 2019, p. 86). Cabaran yang saya lalui sepanjang berkecimpung dalam bidang tari sejak tahun 2006 sehingga kini, antaranya sekatan peluang, kerana memiliki tubuh badan ‘kurang ideal’ bagi seseorang yang menceburi bidang tari. Imej tubuh merupakan ukuran pertama dalam lapangan yang saya diamai. Saya juga beberapa kali menerima kritikan bahawa susuk tubuh saya menjadi penghalang kepada saya diterima untuk menyertai sesetengah produksi teater muzikal dan tari tempatan. Contohnya pengalaman di beberapa set penggambaran, saya pernah disangka seorang

¹ Kamus Dewan Edisi Keempat.





penata rias hanya kerana saya berbadan gempal. Kesalah fahaman ini merupakan salah satu perkara yang menerbitkan persoalan kepada saya tentang apakah yang dikatakan sebagai seorang penggiat tari. Adakah perkara ini ditentukan oleh rupa dan susuk tubuh atau pun keterampilan seseorang dalam penguasaan kesenian tari.

Bagi seseorang yang berbakat dalam bidang tari dan seni persembahan untuk menjawat jawatan Artis Budaya B 19 (Artis Tari) di Istana Budaya, beliau haruslah berdiri di ketinggian sekurang-kurangnya 170 sentimeter dengan berat badan tidak melebihi 61 kilogram bagi lelaki dan sekurang-kurangnya 165 sentimeter ketinggian serta berat tidak melebihi 52 kilogram bagi penari wanita, selain kohort umur tertentu iaitu dari 18 tahun dan tidak lebih dari 25 tahun². Syarat yang sama juga diimplementasikan oleh Kumpulan Kesenian Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Penetapan kepada imej tubuh oleh badan kerajaan secara tidak langsung membentuk nilai imej tubuh seorang penari. Hegemoni ini sekali gus membentuk nilai dan norma dalam masyarakat menyumbang kepada konstruksi sesebuah imej dan gambaran kepada bentuk fizikal seseorang penari mula terbentuk; seorang individu yang mempunyai bakat dalam melaksanakan pergerakan tari dan mempunyai susuk fizikal tertentu. Perkara ini, seterusnya memberi tekanan kepada penari yang tidak serasi dengan gambaran yang telah menjadi idea dalam masyarakat umum. Cabaran ini menjadi lebih besar dengan kehadiran sosial media yang merupakan medan pembentukan nilai imej dalam komuniti secara global. Selain daripada melatih instrumen, seorang penari perlu memikirkan rupa dan bentuk badan mereka sekiranya mereka ingin memilih untuk menjadi seorang penari.

Perkara yang sama juga dapat dilihat di lapangan lain dalam bidang seni persembahan. Pengiktirafan diberikan kepada mereka yang mempunyai pengetahuan dalam teori muzik Barat berbanding mereka yang tidak mempunyai pengetahuan yang sama. Hegemoni membentuk pemikiran bahawa pemuzik yang literatur dengan teori muzik aliran Barat ‘lebih profesional’ berbanding pemuzik tradisional yang bermain berdasarkan pengalaman dan firasat. Hegemoni yang membentuk sistem akreditasi dalam menentukan tahap keterampilan seseorang sebagai seorang pemuzik profesional

² Merujuk kepada poster Ujibakat Terbuka Artis Budaya B 19 (Artis Tari) bertarikh 29 Julai 2019.



dirangka berteraskan pengetahuan teori muzik Barat yang seterusnya meminggir pemuzik tradisional tempatan³.



Gambarajah 1.1. Poster Uji bakat Artis Budaya Istana Budaya



Gambarajah 1.2. Poster Uji bakat Artis Budaya JKKN, Ibu Pejabat.

³ Diskusi Kajian Karya Kreatif bersama Penyelia pada tarikh 5 Februari 2020.



Dalam senario yang berbeza, hegemoni juga membentuk dua fasa yang berbeza dalam garis masa industri tari di Malaysia. Menurut Mohd Anis Md Nor, usaha yang dilakukan oleh individu dan seniman yang bergiat dalam industri masa kini menyebabkan kecelaruan identiti kesenian tempatan di Malaysia. Beliau menyatakan perkara ini ketika menjawab soalan daripada peserta di sesi soal jawab di akhir syarahan beliau anjuran Pusat Pengajian Pascasiswazah⁴. Beliau bercerita tentang bagaimana hegemoni masa kini yang mempengaruhi persembahan tari tradisional, mengutamakan nilai spektikal pentas dan hilang nilai tambah asal sesebuah tradisi. Situasi ini berbeza ketika Ketua Pengarah pada zaman beliau menerajui pertubuhan Akademi Seni Kebangsaan yang kini dikenali sebagai Akademi Seni, Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Ketua Pengarah ketika itu menerima pandangan dan saranan beliau dan ahli akademik ketika itu dalam setiap bentuk persembahan kesenian tradisional. Dari ujar beliau, dapat dikenal pasti bahawa kuasa hegemoni menentukan nilai yang diterima dalam masyarakat ditentukan oleh kuasa pentadbiran tertinggi dan kini ianya dipengaruhi oleh mereka yang hanya memenuhi kehendak industri semata (Mohd Anis Md Nor, 2019).



Tekanan dan persoalan terhadap isu-isu ini menjadi inspirasi dan motivasi kepada penciptaan atau olahan semula karya kreatif *GE-Mock*.

1.2 Objektif Penciptaan

Terdapat tiga objektif utama penciptaan karya kreatif ini. Objektif pertama ialah usaha menghasilkan sebuah karya kreatif yang didominasi oleh medium gerak dan medium-medium seni persembahan yang lain sebagai pendokong. Proses penciptaan bakal melalui proses tanpa batasan yang terkesan daripada cubaan untuk memuatkan mediumnya ke acuan struktur tertentu merupakan kekangan yang cuba dihindarkan di peringkat awal penghasilan karya. Walaupun sebuah karya tari bakal diterbitkan, membenarkan kemungkinan kepada penghasilan sebuah konsep persembahan baru dialu-alukan.

⁴ <https://www.facebook.com/pascaaswara/videos/1469907909827773>





Persembahan ini juga bakal menyampaikan sebuah kritikan sosial tentang penstrukturran nilai imej tubuh dalam masyarakat melalui persembahan karya kreatif. Isu dan permasalahan berkenaan imej tubuh dalam masyarakat dijadikan sebagai tunjang kepada ilham pengkaryaan. Usaha melihat dengan lebih terperinci perkara ini bakal dilakukan bagi menanalisa proses penstrukturran nilai imej tubuh tertentu dalam sesebuah masyarakat. Ini termasuk persembahan nilai imej tubuh kesan pengaruh hegemoni semasa. Keadaan semasa ini mempengaruhi proses pemilihan penari di agensi kerajaan dan secara tidak langsung menyumbang kepada keresahan penari dilapangan.

Akhir sekali melalui penciptaan karya kreatif ini ingin memperlihatkan perspektif baharu sebagai nilai tambah kepada nilai imej tubuh penari di Kuala Lumpur. Dalam mengenal pasti perkara yang membentuk nilai imej tubuh penari, karya ini tidak bertujuan untuk meruntuhkan imej tubuh umum semasa. Karya ini lebih tertumpu kepada memperkenalkan wacana baru di sisi nilai tubuh sedia ada.



1.3 Matlamat Penciptaan

GE-Mock diharap dapat menerbitkan perbincangan kepada kesan konstruksi sosial ini kepada masyarakat, khususnya penggiat tari di Kuala Lumpur. Karya ini berpotensi mempersempahkan kesan fenomena ini kepada lapangan tari. Dalam usaha mencipta sebuah bentuk persembahan tari yang baru, karya ini juga bakal membentuk stimulasi proses pembentukan nilai dan norma melalui dominasi hegemoni, menfokus kepada kemungkinan baru berbanding dekonstruksi nilai yang telah terstruktur dalam norma semasa. Melalui persembahan yang di inspirasi daripada bentuk *chance*⁵ oleh Merce Cunningham, kemungkinan kepada beberapa bentuk eksplorasi gerak mahupun kaedah pembinaan koreografi dapat diperlihatkan dan dibincangkan.

⁵ Metod koreografi yang diperkenalkan oleh Merce Cunningham dan John Cage sebagai elemen yang bakal menerbitkan kesan spontan dalam persembahannya (Copeland, 2004, pp. 4-9).





1.4 Kontekstualisasi Topik

Dalam bahagian ini, beberapa istilah yang bakal digunakan dalam penulisan ini diterangkan secara dasar. Perkara ini wajar diterangkan bagi melihat hubungan rangsangan proses pengkaryaan dan lapangan yang mempunyai perkaitan dengan fenomena yang dibincangkan. Selain dari itu, kontekstualisasi ini mengelakkan sebarang kekeliruan dalam menghala perjalanan penulisan juga penghasilan karya kreatif. Penerangan lebih komprehensif bakal disertakan dalam Bab 2 dengan membentang kajian literatur dan kajian persembahan yang boleh dijadikan penyama rata atau perbandingan.

1.4.1 *GE-Mock.*

GE-Mock adalah permainan kata (*paronomasia*)⁶ yang diambil daripada kata asal Gemuk. *GE-Mock* ini juga merupakan gabungan dua kata yang berbeza. ‘Ge’ mewakili suku kata pertama kepada reaksi umum masyarakat apabila melihat penari berbadan gempal menari. Reaksi-reaksi seperti Geli, Gelak, Gegar dan Gendut sering diungkapkan dan dihubungkaitkan dengan individu yang berbadan gemuk. ‘Mock’ pula diambil daripada perkataan bahasa Inggeris yang bermaksud memperolok-olokkan dan mempermata-mainkan⁷. Kata ini dipilih untuk menjadi tajuk kepada persembahan ini adalah bagi memperjelaskan lapangan ruang persembahan yang bakal ditetapkan. Selain itu, pemilihan kepada menerbitkan istilah baru dapat memperkenalkan kemungkinan kepada penamaan konsep sekiranya perkara ini berlaku.

1.4.2 Imej Tubuh.

Imej tubuh manusia adalah gambaran diri sendiri yang dibentuk dalam minda seseorang iaitu apa yang dilihat oleh individu ini secara peribadi (Schilder, 1950, p. 11). Imej yang dilihat oleh individu ini dinilai oleh dirinya seterusnya ditafsirkan dan terjemah kepada

⁶ the use of a word in different senses or the use of words similar in sound to achieve a specific effect, as humor or a dual meaning; punning- Dictionary.com.

⁷ Kamus Inggeris-Melayu Dewan.





dirinya. Pembentukan nilai ini juga dipengaruhi dengan keadaan sekeliling. Budaya dalam sesebuah masyarakat menyumbang kepada penetapan nilai sesebuah imej yang digambarkan oleh seseorang individu. Nilai estetika sesuatu imej di konstruksi dalam sesebuah masyarakat sebagai sesuatu yang diterima atau sebaliknya.

1.4.3 Penggiat Tari.

Penggiat Tari merupakan individu yang berkecimpung dalam bidang tari. Mereka terdiri daripada pengarah artistik, pengarah tari, koreografer, jurulatih tari dan guru tari. Artis tari dalam konteks kajian ini merujuk kepada mereka yang bergiat secara fizikal dan aktif dalam proses latihan, penciptaan dan persembahan tari sebagai sebuah sistem pergerakan yang berstruktur. Fokus dalam penetapan unit komuniti dalam perbincangan karya kreatif ini khusus kepada penggiat tari yang aktif dalam mencari kemungkinan kepada penghasilan karya-karya tari yang baru sejak lima tahun kebelakangan ini hingga kini.



1.4.4 Hegemoni Kebudayaan.

Hegemoni merupakan dominasi oleh satu kelompok ke atas satu kelompok yang lain. Terdapat dua bentuk pengertian hegemoni iaitu hegemoni Gramsci yang lebih kepada pendekatan secara terbuka dengan memupuk pencerahan kepada kelompok yang bakal dipengaruhi dan hegemoni Marxis iaitu lebih berbentuk agresif⁸. Dalam kajian ini, Hegemoni Kebudayaan dibincangkan dalam penstrukturkan nilai imej tubuh penari oleh agensi yang mempunyai kuasa membentuk nilai ini dalam masyarakat umum. Ia bakal dijelaskan melalui fungsi tapakan ideologi dalam menetapkan sesuatu yang boleh diterima oleh masyarakat dan sesuatu yang dilihat ideal bagi umum.

⁸ <https://pusatbahasaalazhar.wordpress.com/pesona-puisi/teori-hegemoni/>





1.5 Imaginasi Idea Penciptaan.

GE-Mock dipersembahkan dalam bentuk tari yang eklektik. Di tahap ini, saya melihat konstruksi karya kreatif ini terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu frasa gerak, struktur persembahan dan konvensyen persembahan. Selain itu, usaha bagi mempersempambahkannya diruang yang bukan konvensional adalah sesuatu yang sangat dituntut bagi mencabar kemungkinan berlakunya interaksi antara lapangan yang berbeza dan membawa kepada perbincangan di lapangan pengajian persembahan.

1.5.1 Frasa Gerak.

Konstruksi frasa gerak yang bakal mendarang koreografi dalam persembahan ini terdiri daripada pergerakan harian (*pedestrian movement*) yang berkaitan dengan imej tubuh dan elemen yang berkaitan dalam pembentukan nilai imej tubuh dalam masyarakat umumnya, komuniti tari khususnya. Gaya hidup seperti aktiviti latihan, cara pemakanan, rawatan estetika seperti ortodontik dan dermatologi, pengambilan bahan sampingan makanan, pil dan minuman kesihatan, menjadi bahan-bahan yang bakal mencetus motif dan frasa dalam persembahan ini. Emosi, ekspresi, firasat dan keresahan pula bakal membantu dalam penggayaan yang membentuk konteks dalam pembinaan frasa gerak dalam persembahan ini nanti.

1.5.2 Struktur Persembahan.

Karya ini bakal dipersembahkan dalam bentuk kolaj⁹ dan naratifnya tidak disusun secara episod. Walaupun begitu, segmen jelas bakal dibentuk bagi tujuan artistik kepada kesan dinamik persembahan ini. Persembahan berbentuk intrinsik ini juga melihat kepada kemungkinan irungan muzik yang merupakan himpunan/ ensemble perkusi dan instrumentasi yang bakal digunakan adalah alatan yang berkaitan dengan makanan. Walaupun begitu, peranan muzik dalam karya ini adalah sebagai medium

⁹ Bersamaan dengan pendekatan Merce Cunningham melalui karya beliau *Collage* (Copeland, 2004).



sokongan sekunder yang mungkin mempengaruhi tempo dan dinamik segmen sahaja. Perucapan dan nyanyian juga bakal menjadi nilai tambah dalam persembahan ini.

1.5.3 Konvensyen Persembahan


Pementasan *GE-Mock* pula akan cuba meruntuhkan tembok di antara penonton dan penari. Kedua-dua kumpulan ini dibayangkan bakal berada dalam satu ruang yang sama dan tiada sebarang penetapan sempadan kepada ruang yang bakal digunakan. Bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan penonton, taklimat ringkas sebelum persembahan wajar dilakukan. Proses dekonstruksi struktur ruang persembahan ini dilihat sebagai perlambangan kepada keberadaan penari dalam masyarakat (yang diwakili oleh penonton).

Penglibatan penonton secara langsung dalam persembahan yang bakal digarap. Elemen daripada kaedah *chance* bakal diperkenalkan dalam persembahan ini di mana penonton akan didatangkan dengan arahan berdasarkan pandangan terhadap imej tubuh ideal dan keputusan yang ditetapkan bakal membentuk arah tuju persembahan kelak. Penglibatan penonton adalah sebagai perwakilan kepada masyarakat umum dan pandangan melalui reaksi yang diberikan oleh penonton semasa persembahan diharap dapat menerbitkan persoalan kepada kesan konstruksi imej badan kepada masyarakat.

COVID-19 melanda Malaysia dan kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac 2020, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dari 4 Mei 2020 hingga 9 Jun 2020 dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemuliharaan (PKPP) bermula 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020, di Malaysia¹⁰. Kekangan nasional ini telah memberi halangan kepada imaginasi penciptaan karya kreatif yang asal. Pendekatan kepada eksloitasi medium media sosial menjadi rangsangan utama dalam meneruskan penciptaan karya ini. Interaksi pengguna plantar

¹⁰ Laman Utama Majlis Keselamatan Negara (MKN) www.mkn.gov.my/web/ms/covid-19 . kemaskini 11 Jun 2020.

media sosial akan di aplikasi bersama-sama pendekatan kaedah *chance* bagi melihat kepada kemungkinan reaksi penonton dan penari.



Gambarajah 1.3. Ilustrasi gambaran kepada konsep konvensi persembahan GE-Mock.